

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR
MOHD. TAHIR [TEMERLOH]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

YB DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [TEMERLOH] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian ada usaha-usaha pemantapan kraf terutama dalam bidang kayu dan hasil rimba di kalangan usahawan muda seperti komuniti Kraftangan, Kraf Komuniti Ku yang pernah dilaksanakan. Di Temerloh ada Pusat inkubator kraf, namun aktiviti pemantapan kraf berasaskan kayu agak kurang promosi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa berusaha untuk membangunkan, melatih serta memperkasakan usahawan dan komuniti kraf dalam bidang hasil rimba dan kraf kayu di seluruh negara.
2. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan kepada semua usahawan dan komuniti kraf termasuklah dalam bidang kraf hasil rimba dan kraf kayu ialah:

NO. SOALAN : 16

- (i) program-program pembangunan produk, pembangunan kemahiran teknikal dan keusahawanan serta pemasaran kraf;
- (ii) memberi bimbingan kemahiran teknikal agar kapasiti pengeluaran dan kualiti produk dapat ditingkatkan;
- (iii) menyediakan peluang penyertaan di dalam program promosi jualan secara fizikal anjuran Kraftangan Malaysia seperti Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Tekstil Pantai Timur dan Festival Kraf Borneo;
- (iv) memberi bimbingan ke atas aspek pemasaran secara atas talian (*online*);
- (v) membangunkan platform *MYCraftShoppe*, iaitu platform jual beli digital yang khusus memasarkan produk kraf Malaysia di samping menawarkan maklumat berkaitan industri kraf seperti senarai pembekal bahan mentah, rekaan produk, penyedia perkhidmatan berkaitan kraf serta informasi tentang kraf tempatan;
- (vi) melancarkan *E-Kraf Bazar* untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan dalam bidang tekstil, hasil rimba, hasil tanah, hasil logam dan aneka kraf secara *online*;
- (vii) melancarkan aplikasi *CraftOnTheGo* (COTG) iaitu direktori yang mengandungi profail usahawan kraf, keterangan produk, imej, maklumat media sosial dan lokasi premis untuk meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai usahawan kraf di seluruh Malaysia;
- (viii) Program Pembangunan Komuniti Kraf untuk membangun dan melahirkan lebih ramai komuniti kraf baharu dan usahawan kraf muda/ baharu (*start up*); dan

- (ix) Program Pemerksaan Komuniti Kraf khusus untuk usahawan dan komuniti kraf sedia ada melalui aktiviti kemahiran dalam aspek keusahawanan, pengeluaran serta perniagaan. Antaranya seperti Projek Kraf Komuniti Ku (KKK) dan Projek Pengukuhan Usahawan Dinamik (PROUD).

3. Selain itu, Kraftangan Malaysia turut melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) seperti:

a) Program Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK)

laitu Program terbuka kepada semua belia/ beliawanis, asnaf, golongan kategori B40 (bandar/ desa), ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), warga emas, orang asli/ etnik Sabah dan Sarawak serta penggangur atau individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang berhasrat menjadikan penghasilan produk kraf sebagai sumber pendapatan; dan

b) Program Pembangunan Perantisan Kemahiran (PPPK)

yang menawarkan kemudahan latihan tenaga kerja baharu yang terdiri daripada belia, penggangur dan individu yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 serta peluang pekerjaan bersama usahawan kraf terpilih. Program ini membantu usahawan kraf mendapatkan tenaga kerja mahir dan memastikan perusahaan yang dijalankan dapat diusahakan secara berterusan dan lebih berdaya saing.

4. Untuk makluman, Program Inkubator disediakan untuk membangunkan usahawan muda yang baru melibatkan diri dalam bidang kraf dan berpotensi menghasilkan pengeluaran produk kraf secara komersial. Matlamat utama program ini adalah untuk membantu usahawan memulakan perniagaan khususnya usahawan muda dan lepasan Institut Kraf Negara.

5. Di negeri Pahang, terdapat 2 Program Inkubator Kraf iaitu di Pusat Inkubator Kraf Kuantan dan Pusat Inkubator Kraf Temerloh yang memberi pengkhususan dalam bidang hasil rimba (kayu). Pusat-pusat ini juga turut menyediakan kemudahan gunasama bagi penghasilan inovasi produk kraf

NO. SOALAN : 16

kayu serta menjadi pusat rujukan kepada usahawan kraf kayu seluruh Malaysia. Antara kemudahan yang terdapat di Pusat Inkubator Kraf Temerloh ialah perkhidmatan pengeringan kayu, perkhidmatan memproses bahan kayu dan perkhidmatan kemas serta penyudahan produk kayu.

6. Pusat Inkubator Kraf Temerloh dipromosikan melalui penghasilan produk-produk kraf baru oleh usahawan dan pereka Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang dan ibu pejabat. Produk tersebut dipamer serta diuji pasar melalui program-program promosi utama anjuran Kraftangan Malaysia.

7. Selain itu, pusat ini juga dipromosikan menerusi aktiviti lawatan yang diterima daripada agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Taklimat berkenaan kajian serta teknologi kayu dan fungsi serta peranan Kraftangan Malaysia dalam membangunkan usahawan turut dihebahkan kepada semua pengunjung. Aktiviti Educraft juga menjadi elemen dalam mempromosikan kemudahan yang terdapat di sini kepada pelajar-pelajar.

Sekian, terima kasih.